

## Nasional

# UKM genap 50 tahun bina bangsa

**Radzuan Ghazali**

Ketua Penolong Pendaftar,  
Pusat Komunikasi Korporat  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Hari ini, 18 Mei 2020 genaplah 50 tahun, usia Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sejak mula ditubuhkan pada 18 Mei 1970.

Mengimbau kembali awal penubuhannya, hanya ada tiga fakulti iaitu Fakulti Pengajian Islam (FPI), Fakulti Sastra (kini Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan) dan Fakulti Sains (Fakulti Sains dan Teknologi) tetapi kini telah berkembang dengan 13 fakulti.

Sepanjang penubuhannya, universiti ini telah mengeluarkan 204,857 graduan prasiswazah dan siswazahnya yang berkhidmat di seluruh negara, sama ada di sektor awam, swasta mahupun berkecimpung dalam dunia perniagaan.

UKM yang memulakan operasinya di Bangi sebagai Kampus Induk pada 1977 berkeluasan

1,096.29 hektar menempatkan sembilan fakultinya, manakala tiga lagi fakulti di kampus di Jalan Raja Muda Abdul Aziz iaitu Fakulti Sains Kesihatan, Fakulti Perigian dan Fakulti Farmasi seluas 20 hektar.

Sementara itu, Fakulti Perubatan di Cheras, Kuala Lumpur dengan keluasan 22.3 hektar yang turut menempatkan Hospital Canselor Tunku Muhriz.

UKM antara universiti penyelidikan yang mendapat status universiti penyelidikan di Malaysia pada 2006, berasaskan kecermerlangan dalam bidang penyelidikan lebih empat dekad.

Selain itu, UKM pernah mendapat Anugerah Kualiti Perdana Menteri (2006), memperolehi status Swa-Akreditasi pada 2010 dan status Universiti Autonomi pada Januari 2012.

Kini, UKM memberi tumpuan pada lima pelan strategik untuk tahun 2019-2021 dengan lima teras diberi penekanan iaitu; teras penyelidikan, teras akademik, teras antarabangsa, teras bakat dan teras kewangan untuk warga universiti supaya lebih melonjak kecermerlangan di peringkat kebangsaan serta antarabangsa.

Justeru, menginsafi UKM adalah institusi harapan masyarakat,



*UKM antara universiti penyelidikan yang mendapat status universiti penyelidikan di Malaysia pada 2006, berasaskan kecermerlangan dalam bidang penyelidikan lebih empat dekad.*

seluruh warga universiti sama ada pelajar mahupun warga kerja perlu menyelami dan memahami keperluan rakyat menerusi persoalan yang berlebar dalam kehidupan bernegara selaras dengan peranan UKM sebagai Pendaulat Amanah Negara.

UKM yang diterajui oleh Naib Canselornya ke-11nya iaitu Prof Datuk Ir Dr Mohd Hamdi Abd Shukor sentiasa bersiap sedia dalam memaju universiti ini untuk terus maju di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Memetik ucapan beliau pada Majlis Konvokesyen UKM ke-47, tahun lalu, katanya mandat negara diperjuangkan dan membuktikan bahwa UKM bukan sebarang.

Katanya, UKM berada di kedudukan 160 dalam QS World Rankings dan tempat ke-41 dalam QS Asia University selain 1 peratus universiti terbaik di seluruh dunia.

"Penarafan ini telah mengangkat UKM di persada antarabangsa dan meletakkan Malaysia sebagai negara pilihan untuk melanjutkan pelajaran.

"Malah, untuk meningkatkan keyakinan universiti tersohor dan industri untuk berkerjasama dalam penyelidikan dan aktiviti kesarjanaan bagi meningkatkan hasil kualiti, perkembangan ilmu pengetahuan, kepakaran, penyelidikan dan inovasi," katanya.

Canselor UKM, Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir dalam majlis konvokesyen, ber-

kata kejayaan UKM adalah didorong oleh komitmen tinggi semua pihak dan sokongan pelbagai pihak.

"Ini membolehkan UKM menentukan hala tuju tepat dan relevan dalam menawarkan pendidikan tinggi terbaik di negara.

"Adalah menjadi harapan semua rakyat Malaysia supaya UKM terus unggul dalam menerajui pendidikan tinggi berdasarkan kepada acuan kebangsaan," kata baginda.

Canselor pertama UKM, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein pada Majlis Konvokesyen pertama UKM pada 23 Jun 1973, berkata UKM adalah puncak dari usaha kita ke arah memenuhi tuntutan dan aspirasi rakyat yang ingin melihat bahawa bahas ibunda mempunyai kedudukan dan kedudukan yang sewajarnya dalam usaha memenuhi keperibadian nasional.

"UKM perlu menjadi pusat tapak semaihan bagi melahirkan tenaga intelek berpandangan jauh untuk menggerak dan menyalurkan motivasi rakyat menuju hari depan yang lebih cerah, sambil menjamin kehidupan demokrasi serta hak rakyat dalam negara yang progresif serta maju," katanya.